

SENARAI PEMBERITAHUAN PRODUK – KEMALANGAN DIRI

(Sila baca Senarai Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan **Pelan Kemalangan Diri Liberty PA Guard**. (Pastikan juga anda membaca terma dan syarat-syarat am yang terdapat di dalam polisi).

Nama Penawar
Khidmat Kewangan: **Liberty General Insurance Berhad**
Name Produk: **Pelan Kemalangan Diri Liberty PA Guard**
Date : **01/03/2024**

Kontrak Insurans Pengguna

Menurut **Perenggan 5 daripada Jadual 9** Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya **untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda mempunyai kewajiban untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

Kontrak Insurans Komersial

Menurut **Perenggan 4(1) Jadual 9** Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini **untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan produk ini?

Polisi ini memberikan pampasan terhadap kecederaan, kecacatan atau kematian disebabkan semata-mata oleh keadaan di mana berlakunya perlakuan kejam, secara tidak sengaja, luaran dan dapat dilihat.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang ditawarkan?

No	Jadual Faedah	Jumlah Diinsuranskan (RM)					
		Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6*
1	Kematian Akibat Kemalangan	50,000	100,000	200,000	500,000	1,000,000	2,000,000
2	Kecacatan Kekal	50,000	100,000	200,000	500,000	1,000,000	2,000,000
3	Kehilangan Seluruh Upaya Sementara (Had setiap minggu, sehingga 104 minggu)	50	50	100	250	500	750
4	Kehilangan Upaya Separa Sementara (Had Setiap minggu, sehingga 104 minggu)	25	25	50	125	250	375
5	Bonus Pembaharuan	20% setahun sehingga 100% Jumlah asas yang Diinsuranskan dari Manfaat 1 & 2					
6	Ganti Rugi Berganda kerana Kemalangan ketika menggunakan Pengangkutan Awam	Tersedia					
7	Perbelanjaan Perubatan (Termasuk kos Ambulan)	3,000	4,500	6,000	7,500	10,000	15,000
8	Perubatan Alternatif	500	500	500	500	500	1,000
9	Pendapatan Hospital Harian akibat Kemalangan (sehingga 180 hari)	50	75	100	150	150	300
10	Pembetulan dan Pembedahan Pergigian	2,000	3,000	3,000	5,000	5,000	10,000
11	Elaun Perjalanan (RM200 seminggu)	2,000	3,000	3,000	5,000	5,000	5,000
12	Penjagaan Kejururawatan	500	1,000	2,000	3,000	4,000	5,000
13	Elaun Perkabungan	5,000	10,000	20,000	50,000	100,000	200,000
14	Elaun Pemulihan	1,000	1,000	1,000	1,000	1,000	1,000
15	Jaminan Kemasukan Tanpa Tunai (kemalangan sahaja)	Tersedia (Jumlah jaminan adalah tertakhluk kepada had yang ditetapkan dalam Manfaat 7.					
16	Liabiliti Peribadi	50,000	100,000	200,000	500,000	1,000,000	2,000,000
17	Penculikan – Perbelanjaan	5,000	5,000	5,000	10,000	10,000	10,000
	Penculikan - Ganjaran	25,000	25,000	25,000	50,000	50,000	50,000
18	Ragut	500	500	500	500	500	500
19	Faedah Protesis / Kerusi Roda	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	5,000
20	Perbelanjaan Penghantaran Balik	1,500	2,000	3,000	5,000	7,500	15,000
21	Perbelanjaan Pengubahsuaian Gaya Hidup	25,000	50,000	100,000	250,000	500,000	750,000
22	Perkhidmatan Mengemas Rumah	200	250	300	350	400	750
23	Perbelanjaan Pengembumian	2,000	3,000	3,000	5,000	5,000	10,000

Nota:

1. Usia kemasukan yang layak adalah dari 18 tahun hingga 70 tahun, dengan pembaharuan polisi sehingga 85 tahun.
2. Usia kelayakan untuk kanak-kanak adalah dari 30 hari hingga 18 tahun (atau sehingga 23 tahun untuk pelajar sepenuh masa)
3. Kanak-kanak hanya dilindungi hingga 15% daripada Manfaat Dewasa 1,2 dan 6.
4. Warga emas adalah merujuk kepada umur 71 tahun ke atas dan hanya meliputi separuh Manfaat Dewasa 1,2,6 dan 7.
5. Jumlah yang diinsurankan untuk individu, pasangan suami/isteri dan anak-anak adalah terhad sehingga tiga (3) kali jumlah Dewasa yang Diinsurankan. Had dinyatakan di atas.
6. *Untuk pembelian insuran individu yang berjumlah RM2,000,000 pencadang diminta untuk melengkapkan dan mengemukakan Borang Soal Selidik Jumlah Tinggi yang ditandatangani oleh pencadang.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3. Berapakah jumlah premium yang perlu dibayar?

Pekerjaan	Kategori	Jadual Premium sebelum Cukai Perkhidmatan 6% (RM)					
		Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6
Bukan Manual (Kelas 1 & 2)	Individu	153	223	377	836	1,442	2,508
	Individu,Pasangan Suami/ Isteri	281	407	679	1,505	2,596	4,520
	Individu & Kanak-kanak	285	392	632	1,291	2,136	3,523
	Individu,Pasangan Suami/Isteri & Kanak-kanak	435	607	995	2,074	3,466	5,776
Manual (Kelas 3)	Individu	248	367	636			
	Individu,Pasangan Suami/ Isteri	358	528	912			
	Individu & Kanak-kanak	376	526	865			
	Individu,Pasangan Suami/Isteri & Kanak-kanak	521	734	1,215			

Nota: Premium diatas adalah sebelum Cukai Perkhidmatan dan duti setem.

4. Berapakah bayaran dan caj-caj yang perlu dibayar?

Bayaran dan caj-caj yang perlu dibayar ialah:

Jenis	Jumlah
Komisen ejen atau jika terdapat pengantara yang terlibat	25%
Cukai Perkhidmatan	Tertakluk kepada kadar semasa seperti yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia
Duti Setem	RM10

5. Apakah sebahagian terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian?

Sebahagian terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian adalah:

- a) Tanggungjawab untuk memberi maklumat – Anda perlu memberi kesemua maklumat serta fakta-fakta seperti pekerjaan dan matlamat peribadi anda, yang akan menjejaskan profil risiko serta bilangan polisi kemalangan diri yang telah dibeli daripada syarikat insurans yang lain.
- b) Perlindungan adalah hanya untuk kerugian akibat kemalangan seperti yang dicetak di dalam polisi.
- c) Tunai Sebelum Perlindungan (hanya untuk Individu Polisi) – Premium yang kena bayar mestilah dibayar dan diterima oleh Liberty sebelum perlindungan bermula. Insurans ini secara automatik terbatal dan tidak sah jika syarat ini tidak dipatuhi.
- d) Notis Tuntutan - Jika berlakunya kemalangan yang menimbulkan suatu tuntutan, anda hendaklah memberitahu kami dalam masa 30 hari dari kemalangan itu.

(Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada polisi untuk mendapatkan senarai penuh terma & syarat bagi polisi tersebut).

6. Bagaimana cara untuk membuat tuntutan?

Untuk mendapatkan bantuan mengenai penyerahan tuntutan, anda boleh menghubungi pegawai khidmat pelanggan kami di [1300 888 990](tel:1300888990) untuk mendapatkan bantuan lebih lanjut. Anda juga boleh melayari laman web kami www.libertyinsurance.com.my untuk maklumat lebih lanjut.

7. Siapakah yang layak ?

Semua penduduk di Malaysia berusia lapan belas (18) tahun ke atas sehingga tujuh puluh (70) tahun sahaja (pembaharuan hingga lapan puluh lima (85) tahun).

8. Apakah pengecualian utama bagi polisi ini?

Polisi ini tidak memberi perlindungan terhadap:

- Risiko Perperangan;
- Bunuh Diri dan kecederaan yang disengajakan;
- Pembunuhan yang diprovokasi atau serangan;
- AIDS;
- Kehamilan atau Kelahiran anak melainkan disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh Kemalangan;
- Melakukan atau cuba melakukan perbuatan yang menyalahi undang-undang;
- Penyakit sedia ada; dan
- Sukan Berisiko Tinggi.

(Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada polisi untuk mendapatkan senarai penuh pengecualian bagi polisi tersebut).

9. Bolehkah saya membatalkan polisi saya dan bagaimanakah caranya?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada syarikat kami. Setelah pembatalan dibuat, anda layak menerima bayaran balik premium berdasarkan tempoh insurans yang belum luput.

10. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada maklumat peribadi saya?

Adalah penting untuk memberitahu syarikat kami sekiranya terdapat perubahan pada profil anda, termasuk pekerjaan serta maklumat peribadi anda, yang mungkin akan menjejaskan profil risiko.

11. Dimanakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut, sila rujuk kepada naskhah insuranceinfo di bahagian 'Insurans Kemalangan Diri', yang boleh didapati di semua pejabat cawangan kami. Selain daripada itu, anda juga boleh mendapatkan salinan naskhah tersebut daripada agen insurans.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami:

**Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan, Pusat Khidmat Pelanggan
Liberty General Insurance Berhad**

Dahulu dikenali sebagai AmGeneral Insurance Berhad
Liberty Insurance Tower,
CT9, Pavilion Damansara Heights,
3, Jalan Damanlela
Pusat Bandar Damansara,
50490 Kuala Lumpur.
Tel. No.: 03-2268 3333 or 1-300-888-990
E- mel: customer@libertyinsurance.com.my
Laman Web : www.libertyinsurance.com.my

12. Pilihan perlindungan kemalangan diri lain yang boleh didapati adalah seperti berikut:

- Pelan Kemalangan Diri Liberty Ezy
- Pelan Kemalangan Diri SmartCover
- Pelan Kemalangan Diri FlexiCare
- Pelan Kemalangan Diri Flexi Insurans
- Pelan Insurans Pemandu & Penumpang StarRider
- Pelan Insurans Rakan Pemandu Kenderaan
- Pelan Insurans Rakan Pemandu Kenderaan 2

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMAHAMI TENTANG SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN KECACATAN BAGI POLISI INSURANS ANDA. ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENCALONKAN PENAMA SERTA MEMASTIKAN BAHAWA PENAMA ANDA MENGETAHUI TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH DIBELI. ANDA DINASIHATKAN MEMBACA SERTA MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN AGEN ANDA ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diberikan di dalam senarai pemberitahuan ini adalah sah bermula Mac, 2024.